KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN AHAD, 19 JANUARI 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




19/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **LAW ON OBSCENE JOKES NOT AIMED AT COMEDY OR COMEDIANS, SAYS NANCY** | | **POSITIF** |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1162930/law-obscene-jokes-not-aimed-comedy-or-comedians-says-nancy | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **CONTEXT IS CRUCIAL IN DETERMINING IF A JOKE HAS CROSSED THE LINE** | | **POSITIF** |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1162935/context-crucial-determining-if-joke-has-crossed-line | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **RM2.5 JUTA LAKSANA PEMBANGUNAN KAMPUNG PASIR PEKAN TENGAH** | | **POSITIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1350959/rm25-juta-laksana-pembangunan-kampung-pasir-pekan-tengah | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **GISBH: SEMBILAN KANAK-KANAK MASIH DIJAGA JKM, 60 DITENTUKAN MINGGU DEPAN** | | **POSITIF** |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/gisbh-sembilan-kanak-kanak-masih-dijaga-jkm-60-ditentukan-minggu-depan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/18/perintah-lanjutan-ipo-60-anak-anak-gisbh-dipohon-minggu-depan/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://selangorkini.my/2025/01/jkm-mohon-mahkamah-lanjut-kebenaran-jaga-anak-gisbh/ | SELANGORKINI.MY | |




19/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **MONITOR CHILDREN'S ACTIVITIES DURING SCHOOL HOLIDAYS - DR WAN AZIZAH** | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2384115 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2384092 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **LPPKN PERKASA KESEDARAN KANSER SERVIKS MELALUI PROGRAM SANTUNI MADANI** | | POSITIF |
| | https://malaysiaaktif.my/2025/01/lppkn-perkasa-kesedaran-kanser-serviks-melalui-program-santuni-madani/ | MALAYSIAAKTIF.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **JENAYAH TAK KENAL JANTINA** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/WM/2025/01/1177856/jenayah-tak-kenal-jantina | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **POLICE ARREST MAN FOR SEXUALLY ABUSING STEPDAUGHTER** | | NEGATIF |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1162661/police-arrest-man-sexually-abusing-stepdaughter | NST.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/18/police-arrest-man-in-subang-jaya-for-alleged-sexual-abuse-of-15-year-old-stepdaughter-says-bukit-aman-assistant-director/163692 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707879/berita/semasa/lelaki-ditahan-cabul-anak-tiri | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bapa-tiri-ditahan-amang-seksual-anak/ | UTUSAN.COM.MY | |




19/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177906/bapa-tiri-ditahan-cabul-anak | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/18/bapa-tak-serik-serik-noda-anak-tiri/ | KOSMO.COM.MY | |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN ANALITIK HARIAN
## AHAD, 19 JANUARI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI






# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




## LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA




## LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA




## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




## PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Bapa<br>tiri ditahan cabul anak | 6 |
| LPPKN<br>Perkasa Kesedaran Kanser Serviks Melalui Program Santuni MADANI | 1 |
| JKM<br>mohon mahkamah lanjut kebenaran jaga anak GISBH | 3 |

## TAJUK BERITA UTAMA




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL




**LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL**




**LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN**




**PEMPENGARUH UTAMA/KOL**

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Tergamaknya terus memukul dan menyeret walhal mangsa sudah meminta maaf. Apabila amarah dan baran menguasai diri, hilang sifat kemanusiaan. | 4 |
| Wanita berkenaan didakwa hamil dan menuntut tertuduh bertanggungjawab selain mengugut mahu mendedahkan hubungan mereka kepada keluarga | 2 |
| Wanita mudah terdedah dalam jenayah kekerasan selain keganasan rumah tangga Jenayah tak kenal jantina | 1 |

**TAJUK TOPIK UTAMA**




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

## FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik

lelaki orang
terlepas ikuti
warga emas
kurang upaya
kanun keseksaan
orang kurang
baru baru
sinar harian
media sosial
kanak kanak
kuala lumpur
orang ramai
ketua polis
pasar tani
polis daerah
mahu terlepas
kira kira
facebook share
untuk mendapatkan
pihak berkuasa

| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | -53.7% ↓ | 100 |
| 2 | kuala lumpur | -47.6% ↓ | 78 |
| 3 | media sosial | -26.2% ↓ | 77 |
| 4 | ketua polis | -35.6% ↓ | 63 |
| 5 | warga emas | -48.4% ↓ | 62 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | 100 |
| 2 | kuala lumpur | 69 |
| 3 | warga emas | 55 |
| 4 | media sosial | 49 |
| 5 | ketua polis | 45 |

## HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.

#selangortv
#kliksemasa
#mediaselangor
#buletintv3
#kualalumpur
#awanipagi
#sinarplus
#awaninews
#malaysiagazette
#pasartani
#digitalbernamatv
#icymi
#lifestylesinarharian
#awani745
#kemaman
#sinarharian
#meninggaldunia
#insantersayang
#kematianmengejut
#terminaltbs

| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 30.0% ↑ | 100 |
| 2 | #malaysiagazette | 33.3% ↑ | 47 |
| 3 | #sinarplus | -21.4% ↓ | 43 |
| 4 | #awani745 | -15.4% ↓ | 43 |
| 5 | #lifestylesinarharian | -30.8% ↓ | 35 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 100 |
| 2 | #sinarplus | 70 |
| 3 | #awani745 | 65 |
| 4 | #lifestylesinarharian | 65 |
| 5 | #buletintv3 | 60 |




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

## METRIK UTAMA

| Mentions | Impressions | Interactions | Avg. influence score | Opinion leaders |
|---|---|---|---|---|
| 920 ↓ | 34.15M ↓ | 75.15k ↓ | 5.0/10 ↓ | 212 ↓ |
| 34.94% less than in previous period | -33.91% less than in previous period | -39.48% less than in previous period | -2.44% less than in previous period | -11.3% less than in previous perio |

## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




**Net sentiment**
This is -5 points compared to the previous period.

**Analyzed 918 mentions**
- 252 with positive sentiment
- 259 with neutral sentiment
- 407 with negative sentiment




**Mostly negative**
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

## SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA



# ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

## TOPIK UTAMA

**JENAYAH TAK KENAL JANTINA**

LIPUTAN BERITA

- Wajah umpama 'mahkota' atau mungkin bahagian paling berharga khususnya wanita.
- Jika hanya ada satu jerawat di muka pun sudah menimbulkan resah apatah lagi yang berdepan dengan masalah kulit atau lebih kritikal menjadi mangsa amarah hingga disimbah asid.
- Walaupun jenayah simbahan asid terhadap wanita di negara ini jarang berlaku, namun mangsanya berdepan dengan trauma atau mungkin gangguan tahap kesihatan mental yang kritikal sepanjang tahun.
- Tidak hanya berdepan dengan trauma sepanjang hayat malah perlu mendapatkan rawatan berkala khususnya mental.
- Jika dilihat terhadap insiden jenayah membabitkan wanita juga, terdapat beberapa kes pembunuhan sadis yang mensasarkan wanita sebagai mangsanya.
- Menyentuh aspek jenayah secara menyeluruh, lebih 9,000 kes direkodkan pada 2021 membabitkan insiden jenayah keganasan terhadap wanita iaitu merangkumi kes keganasan rumah tangga, rogol dan gangguan seksual, manakala pada tahun 2022 pula, lebih 8,000 kes direkodkan.
- Untuk itu, wanita seharusnya lebih berhati-hati kerana kebanyakan insiden jenayah yang berlaku membabitkan individu dikenali oleh mangsa wanita terbabit.
- Wujud juga insiden jenayah sama ada domestik atau berlaku di luar negara di mana wajah mangsa ditoreh dengan objek tajam dengan tujuan mencacatkan 'mahkota' wanita berkenaan.

**CADANGAN**

Melancarkan kempen kesedaran tentang jenayah seksual yang menekankan fakta bahawa ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jantina atau umur dengan menggunakan media sosial, TV, radio, dan platform digital untuk menyampaikan mesej pencegahan jenayah seksual.Pendekatan bersepadu ini diharapkan dapat mengurangkan jenayah seksual, melindungi semua golongan dalam masyarakat, dan menyediakan sokongan holistik kepada mangsa.

**TINDAKAN**

- KPWKM
- JKM



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'OBSCENE JOKE LAW NOT AIMED AT COMEDY' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

'PROTECTING CREATIVITY'

# 'OBSCENE JOKE LAW NOT AIMED AT COMEDY'

'Penal Code seeks to strike a balance between freedom of expression and respect for society'

JASSMINE SHADIQE
**JOHOR BARU**
jashadiqe@nst.com.my

THE law that punishes obscene jokes is not aimed at comedy as a form of entertainment but tackles content that "crosses the line", said Datuk Seri Nancy Shukri.

The women, family, and community development minister said while everyone, including comedians, was subject to Section 509 of the Penal Code, the key was striking a balance.

Section 509 deals with words or gestures that insult a person's modesty. It is punishable with a jail term of up to five years, or a fine, or both upon conviction.

"One of the obstacles in addressing sexual harassment is the perception among some perpetrators that these actions are harmless jokes and not offensive," Nancy told the *New Sunday Times*.



*Datuk Seri Nancy Shukri*

"This mindset poses a challenge in combating sexual misconduct, as it normalises such behaviour in society.

"We have to balance freedom of expression with respect for our society. The law intends to protect, not to suppress, creativity," she said.

She said the law applied to cases where content was "clearly inappropriate" though prosecution would depend on the police's investigations and the attorney-general's discretion.

Nancy said complaints about obscene jokes could also be addressed via the Anti-Sexual Harassment Tribunal.

The tribunal, established under the Anti-Sexual Harassment Act, allows victims to seek compensation of up to RM250,000.

"Action can be taken if words, gestures or objects insult a person's modesty. However, each case is subject to investigation and evidence," Nancy said.

It was reported that 85 per cent of sexual harassment cases reported annually in Malaysia involved women, with 88 per cent of these cases occurring in the workforce.

Police recorded 506 cases of sexual harassment in 2021, followed by a decline to 477 cases in 2022.

This number rose to 522 cases in 2023.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COMEDIAN: CONTEXT OF JOKE IS CRUCIAL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |





*Comedians Douglas Lim and Joanne Kam*

# Comedian: Context of joke is crucial

**JOHOR BARU:** Jokes about sex in comedy shows should not automatically be labelled as sexual harassment as context is crucial in determining whether a line has been crossed, said a comedian.

Douglas Lim, who is also an actor and television host, said this context included the entire joke, where it was made and the comedian's tone.

"If a comedian is joking about these topics on stage, that's within the setting of the performance," he told the *New Sunday Times*.

However, he said, harassment could be established if a comedian directed such comments at an audience member outside the show without consent.

Lim was commenting on Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri's reminder that obscene jokes can be punished under Section 509 of the Penal Code.

Lim said the platform where a joke was shared also mattered and that while jokes at a comedy club could be controversial, they should be acceptable.

He said if a comedian uploaded a performance online and this led to complaints over inappropriate content, the comedian should be warned and advised to remove the offending content.

"If someone else recorded the joke and uploaded it, and it draws complaints, the responsibility should lie with the uploader, not the comedian."

The tone of a joke is also critical, he added, as it distinguished between humour intended to entertain and humour meant to demean or attack.

"Queen of Comedy" Joanne Kam said there was a need for clarity on Section 509.

The veteran comedian acknowledged the law's intent to address misogynistic jokes, particularly in workplace settings, but expressed concerns about its implications on comedians as what could be deemed sensitive was subjective.

"It's important to ensure the law protects against genuine harm while preserving the space for satire and comedy.

"There must be a balance between scrutinising stand-up performances, free expression and respect for societal norms."

# RM2.5 juta laksana pembangunan Kampung Pasir Pekan Tengah

Oleh Siti Rohana Idris - Januari 18, 2025 @ 3:55pm
bhnews@bh.com.my




Nancy (kanan) diiringi Maziah (kiri) pada Majlis Perasmian Program Integrasi Kasih KPWKM Sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat di Tumpat, kelmarin. -Foto NSTP/ Nik Abdullah Nik Omar

TUMPATt: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) menerusi program Kampung Angkat MADANI memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi pelaksanaan pembangunan projek fizikal dan bukan fizikal Kampung Pasir Pekan Tengah, di sini.

Projek itu meliputi lima aspek utama iaitu pembangunan logistik, penjanaan ekonomi, keselamatan, pengukuhan ukhwah dan perpaduan serta pengukuhan psikososial, memberi manfaat kepada seramai 1,800 penduduk di kawasan itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata antara pembangunan yang dijalankan di kampung itu adalah dari segi logistik yang membabitkan pembinaan jeti terapung menggunakan teknologi biokomposit (kenaf) dengan kerjasama Agensi Nuklear.

Naik taraf infrastruktur

"Selain untuk kegunaan penduduk setempat yang menjadikan sungai sebagai sumber rezeki, jeti itu akan menjadi laluan pihak bomba dan penyelamat bagi kerja menyelamat mangsa lemas atau ketika bencana banjir yang sering melanda kampung itu.

"Turut dibina ialah susur pejalan kaki sepanjang 500 meter, menaik taraf jalan kampung, pemasangan papan tanda Kampung Pasir Pekan Tengah serta menaik taraf masjid Kampung Pasir Pekan Tengah," katanya selepas Majlis Perasmian Program Integrasi Kasih KPWKM Sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff.

Nancy berkata, projek pembinaan dan naik taraf fasiliti ini turut menyediakan kemudahan rekreasi dan aktiviti bersama keluarga kepada penduduk setempat termasuk kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Menurut Nancy lagi, bagi memperkasa dan meningkatkan ekonomi penduduk setempat, kementerian mendapat sokongan Jabatan Perikanan negeri Kelantan yang menyumbang 10,000 anak ikan membabitkan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang memberi khidmat nasihat dari segi asas akuakultur dan pemilihan ikan.

Bagi aspek keselamatan pula, katanya penduduk setempat menerima manfaat melalui kerja-kerja pemasangan 20 unit lampu solar bagi menambahbaik persekitaran yang gelap dan kurang selamat sebelum ini.

"Jika sebelum ini ada beberapa lokasi yang gelap dan menimbulkan rasa bimbang penduduk melaluinya, kini selepas dipasang lampu solar, keselamatan lebih terjamin," katanya.

Selain itu, aspek pengukuhan ukhwah dan perpaduan dipertingkatkan melalui aktiviti gotong-royong serta rekreasi dalam kalangan masyarakat kampung.

"Sebagai kementerian yang menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat, aspek pengukuhan psikososial diperkasakan di KAM KPWKM dengan Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE@3A), Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak (PKKK) selain program Ziarah kasih; Program integrasi KASIH MADANI, Gotong-Royong Kasih MADANI dan pemasangan papan tanda maklumat Talian Kasih 15999 iaitu talian bantuan psikososial yang beroperasi 24 jam di bawah kendalian KPWKM.

"Kesemua projek pembangunan ini mengambilkira keperluan kumpulan sasar utama KPWKM. Kami yakin projek Kampung Angkat MADANI yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat memberikan manfaat optimum terus kepada penduduk," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff, berkata, Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI kerana menepati tiga kriteria iaitu kesejahteraan sosial, pemerkasaan kemudahan asas dan keselamatan kanak-kanak serta penduduk.

"Terdahulu KPWKM telah mengadakan tinjauan kesejahteraan sosial komuniti melalui pendekatan libat urus, turun padang dan menyantuni penduduk secara bersemuka bagi memastikan keperluan sebenar penduduk kampung ini untuk dijadikan asas kepada perancangan projek yang akan dilaksanakan," katanya.

Maziah memaklumkan, menerusi projek KAM yang dijalankan selama satu tahun bermula 1 Januari hingga Disember lalu itu, objektif pelaksanaan Kampung Angkat MADANI seperti merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar, melengkapkan kemudahan asas desa terpinggir secara holistik serta mengenal pasti kaedah terbaik dalam menyelesaikan masalah setempat telah berjaya dicapai.

# GISBH: Sembilan kanak-kanak masih dijaga JKM, 60 ditentukan minggu depan



ANFAAL Saari ditemui pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Pembukaan Cawangan BS Freshmart dekat Bandar Tasik Puteri, di Rawang, Selangor, hari ini. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

Oleh MOHAMAD ATHIR BIN ISMAIL 18 Januari 2025, 1:20 pm

KUALA SELANGOR: Perintah lanjutan hak jagaan sementara (IPO) terhadap kira-kira 60 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global terhadap Global Ikhwan Services and Business Sdn. Bhd. (GISBH) akan dimohon pada sebutan semula prosiding di mahkamah, minggu depan.

Prosiding tersebut akan berlangsung dekat Mahkamah Kanak-Kanak di Ampang, Petaling Jaya dan Shah Alam sama ada diberikan lanjutan IPO kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau diperintah dikembalikan kepada keluarga mereka.

Sehingga kini, seramai 300 kanak-kanak di Selangor sudah dikembalikan ke pangkuan ibu bapa masing-masing sejak 20 November tahun lepas. Kemudian seramai 51 melalui prosiding mahkamah pada 15 Januari lalu (Rabu) dan sembilan diteruskan hak penjagaannya oleh JKM.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata, bagi kanak-kanak yang sudah dikembalikan, ibu bapa tertakluk kepada penilaian dan pemantauan yang dilakukan oleh JKM dengan mengambil kira penilaian tahap pendidikan serta kesihatan mental mereka.

"Mereka ada yang menghadapi trauma dan untuk memastikan JKM memulangkan secara bersyarat, mereka ada bon atau beberapa perkara akan dinilai dan dipantau secara berkala yang mana itu akan memastikan keselamatan dan kebajikan mereka terpelihara.

"Dari segi indoktrinasi, itu di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan memastikannya, tetapi kami dimaklumkan MKN membuka peluang untuk program seperti taubat dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pembukaan Cawangan BS Freshmart, hari ini.

Terdahulu, dalam Op Global yang dijalankan pada September lalu, polis menyelamatkan seramai 424 kanak-kanak yang terlibat dengan GISBH dan diberikan hak penjagaan sementara oleh mahkamah kepada JKM bagi tujuan pemulihan dan mengenal pasti ibu bapa mereka.

*Utusan Malaysia* hari ini melaporkan, ibu-bapa kepada 107 anak-anak pengikut GISBH yang masih berada di lapan institusi di bawah JKM diminta menuntut anak masing-masing.

Jelas Anfaal, kanak-kanak yang sudah kembali ke pangkuan ibu bapa mereka dinasihatkan untuk mengikuti aliran pendidikan perdana di bawah Kementerian Pendidikan.

"Kita galakkan mereka untuk masuk ke aliran perdana atau mana-mana pendidikan formal sebab sebelum ini antara kes kebanyakan anak-anak itu tidak mengikuti sebarang pendidikan formal dan mereka mengatakan melalui program tahfiz dan sebagainya, tetapi tiada rekod.

"Jadi, kita perlu pastikan kanak-kanak meskipun di luar sana selain GISBH ada ramai lagi kanak-kanak yang tidak mengikut pendidikan formal, tetapi sekurang-kurangnya mereka mempunyai rekod tahap pendidikan sama ada pendidikan agama negeri dan sebagainya," ujarnya. – UTUSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MANGSA BANJIR DI EMPAT NEGERI MENINGKAT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mangsa banjir di empat negeri meningkat

**Kuala Lumpur:** Jumlah mangsa banjir yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) di empat negeri meningkat kepada lebih 1,800 orang setakat 5.30 petang semalam.

Menurut laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat, di Sabah, sebanyak lapan PPS dibuka di tiga daerah terbabit dengan 1,695 dari 441 keluarga.

Jumlah itu meningkat berbanding 862 mangsa pagi semalam yang terjejas di Pitas, Paitan dan Kota Marudu.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia mengatakan sebanyak 16 jalan terjejas dan tidak boleh dilalui kenderaan ringan, manakala Pejabat Pendidikan Daerah Pitas mengesahkan dua sekolah yang terkesan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Nibang dan SK Pandai Mandamai.

Di **Terengganu** ada 71 mangsa banjir dari 21 keluarga ditempatkan di dua PPS di Chukai dan Paka.

Sementara itu, di **Pahang** 32 mangsa banjir di Raub membabitkan 13 keluarga kekal ditempatkan di PPS SK Ulu Sungai pagi semalam.

Portal infobanjir.water.gov.my Jabatan Pengairan dan Saliran merekodkan empat sungai melebihi tahap waspada iaitu Sungai Dong di Kampung Peruas, Raub; Sungai Keratong di Jambatan Bahau Keratong Rompin; Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh dan Sungai Belat di Sri Damai, Kuantan.

Setakat 6 petang semalam, 51 mangsa banjir dari 16 keluarga masih ditempatkan di satu PPS, manakala di Sarawak terdapat 37 mangsa banjir di satu PPS.



*Kenderaan penduduk ditenggelami banjir susulan hujan lebat daerah Kota Marudu.* (Foto BERNAMA)




*Anggota APM membantu memindahkan penduduk terjejas banjir di Pitas.* (Foto ihsan JPBD Pitas)



*Anggota Pertahanan Awam dalam operasi banjir di Kampung Ulu Sungai, Raub.* (Foto ihsan APM)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANTAU AKTIVITI ANAK MUSIM CUTI SEKOLAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Dr Wan Azizah pada Program Kembali Ke Sekolah Bersama Anak-Anak Pulau Pinang di Georgetown, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Pantau aktiviti anak musim cuti sekolah

**Georgetown:** Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak khususnya pada musim cuti sekolah ini bagi mengelak mereka melakukan aktiviti tidak berfaedah secara fizikal mahupun dalam talian seperti aktiviti buli siber.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata terlalu banyak kes buli siber pada masa kini sehingga menyebabkan mangsa meragut nyawa sendiri.

"Isu ini sangat penting dan masalah ini perlu ditangani sebelum ia merebak dengan lebih meluas," katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Kasih Malaysia dan Pertubuhan Wanita Mutiara serta Program Kembali ke Sekolah Bersama Anak-Anak Pulau Pinang, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (Kasih Malaysia) berkata, antara fokus pertubuhan itu adalah membantu masyarakat dalam tiga bidang utama iaitu kesihatan mental, buli siber dan pendidikan.

Program anjuran Kasih Malaysia dan Pertubuhan Wanita Mutiara adalah program bantuan persekolahan itu membabitkan pemberian bantuan berbentuk beg sekolah, alat tulis serta wang sumbangan kepada 300 pelajar sekolah rendah.

Semua pelajar berkenaan terdiri daripada anak yatim dan anak-anak daripada keluarga tidak berkemampuan di Pulau Pinang yang dikenal pasti oleh Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Negeri Pulau Pinang.

BERNAMA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MONITOR KIDS DURING SCHOOL HOLIDAYS, PARENTS REMINDED | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Dr Wan Azizah presents a 'Back-to-School' pack to a primary schoolgirl, as Tan (left) looks on. — Bernama photo

# Monitor kids during school holidays, parents reminded

**GEORGE TOWN: Parents must closely monitor their children's activities, especially during the school holidays, to prevent them from engaging in unproductive or harmful activities such as cyberbullying, says Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.**

In making this call, the Prime Minister's wife expressed concern over the rising number of cyberbullying cases, some of which had tragically resulted in the victims taking their own lives.

"This issue is critical and must be addressed before it spreads further," she said during the 'Kasih Malaysia and Mutiara Women's Organisation Ramah Mesra' event and the 'Back-to-School Programme' with the children of Penang here, yesterday.

Dr Wan Azizah, also the chairperson of Kasih Malaysia, said that the organisation focused on supporting the community in three main areas: mental health, cyberbullying and education.

As part of the programme, 300 primary school pupils from underprivileged backgrounds, including orphans identified by the Penang Welfare Department, received school-bags, stationery items and financial assistance.

Meanwhile, the wife of Penang Chief Minister and chairperson of the Mutiara Women's Organisation, Tan Lean Kee, said the aid reflected the concern of both organisations for the future of the younger generation.

"We are all aware that quality education is a key driver in overcoming poverty, and success requires hard work, discipline and determination in facing all challenges," she said. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANTAU AKTIVITI ANAK-ANAK PADA MUSIM CUTI SEKOLAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**BANTUAN:** Wan Azizah ketika menyampaikan bantuan persekolahan pada Program Kembali Ke Sekolah Bersama-Sama Anak-Anak Pulau Pinang di The Top Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di George Town semalam. — Gambar Bernama

# Pantau aktiviti anak-anak pada musim cuti sekolah

**GEORGE TOWN:** Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak khususnya pada musim cuti sekolah bagi mengelakkan mereka melakukan aktiviti yang tidak berfaedah secara fizikal mahupun dalam talian seperti aktiviti buli siber.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata terlalu banyak kes buli siber pada masa kini sehingga menyebabkan mangsa meragut nyawa sendiri.

"Isu ini sangat penting dan masalah ini perlu ditangani sebelum ia merebak dengan lebih meluas," katanya ketika berucap di Majlis Ramah Mesra Kasih Malaysia dan Pertubuhan Wanita Mutiara serta Program Kembali ke Sekolah Bersama Anak-anak Pulau Pinang di sini semalam.

Beliau yang juga pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (Kasih Malaysia) berkata, antara fokus pertubuhan itu adalah untuk membantu masyarakat dalam tiga bidang utama iaitu kesihatan mental, buli siber dan pendidikan.

Program anjuran Kasih Malaysia dan Pertubuhan Wanita Mutiara yang merupakan program bantuan persekolahan itu melibatkan pemberian bantuan berbentuk beg sekolah, alat tulis serta wang sumbangan kepada 300 orang pelajar sekolah rendah.

Semua pelajar berkenaan terdiri daripada anak-anak yatim dan anak-anak tidak berkemampuan di Pulau Pinang yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Negeri Pulau Pinang.

# LPPKN Perkasa Kesedaran Kanser Serviks Melalui Program Santuni MADANI



**BUKIT MERTAJAM, 18 Jan (MalaysiaAktif) –** Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengambil inisiatif bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH Malaysia), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Yayasan Food Bank bagi melaksanakan Program Santuni MADANI: Satu Pemimpin Satu Kampung.



*Dr. Wan Azizah menurunkan tandatangan diatas plak sebagai gimik perasmian*

Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail turun padang merasmikan karnival ini yang mengangkat tema Wanita Sihat Keluarga Sejahtera bersempena dengan Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Peringkat Negeri Pulau Pinang di pekarangan Madrasah Al Mashoor, Tanah Liat, semalam.

Pelbagai pengisian yang bermanfaat antaranya pemeriksaan kesihatan percuma, pemeriksaan ujian HPV DNA, pendaftaran mammogram, saringan minda sihat serta forum bicara kesihatan dan kekeluargaan turut dijalankan.



*Sesi bergambar kenang-kenangan tetamu kehormat bersama tetamu jemputan yang hadir memeriahkan program*

Seorang pengunjung, Norul Huda Ahmad, 43, yang hadir bersama anak kecilnya memanfaatkan peluang menjalani pemeriksaan kesihatan percuma yang ditawarkan.

"Arwah ibu saya adalah penghidap kanser serviks, jadi saya amat peka dengan risiko penyakit ini dan akan memastikan diri saya diperiksa secara berkala," katanya.

Selaku pengerusi badan bukan kerajaan Kasih Malaysia, Dr. Wan Azizah turut menyantuni penduduk Kampung Tanah Liat dengan menyampaikan bantuan persekolahan kepada 260 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tanah Liat yang terpilih.

Selain itu, Yayasan Food Bank Malaysia turut menyumbang 200 kotak sumbangan barangan makanan kepada keluarga yang berkeperluan sekitar kawasan Tanah Liat.




# Jenayah tak kenal jantina

Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my



Wajah umpama 'mahkota' atau mungkin bahagian paling berharga khususnya wanita.

Jika hanya ada satu jerawat di muka pun sudah menimbulkan resah apatah lagi yang berdepan dengan masalah kulit atau lebih kritikal menjadi mangsa amarah hingga disimbah asid.

Walaupun jenayah simbahan asid terhadap wanita di negara ini jarang berlaku, namun mangsanya berdepan dengan trauma atau mungkin gangguan tahap kesihatan mental yang kritikal sepanjang tahun.

Jika dilihat terhadap insiden jenayah membabitkan wanita juga, terdapat beberapa kes pembunuhan sadis yang mensasarkan wanita sebagai mangsanya.

Menyentuh aspek jenayah secara menyeluruh, lebih 9,000 kes direkodkan pada 2021 membabitkan insiden jenayah keganasan terhadap wanita iaitu merangkumi kes keganasan rumah tangga, rogol dan gangguan seksual, manakala pada tahun 2022 pula, lebih 8,000 kes direkodkan.

Untuk itu, wanita seharusnya lebih berhati-hati kerana kebanyakan insiden jenayah yang berlaku membabitkan individu dikenali oleh mangsa wanita terbabit.

Wujud juga insiden jenayah sama ada domestik atau berlaku di luar negara di mana wajah mangsa ditoreh dengan objek tajam dengan tujuan mencacatkan 'mahkota' wanita berkenaan.



MANGSA jenayah biasanya mengalami trauma berpanjangan.

Jika jenayah itu pernah berlaku di luar negara, tidak mustahil ia akan berlaku di negara ini kerana insiden jenayah di dorong oleh amarah yang keterlaluan.

Penganalisis Jenayah, Shahul Hamid Abd Rahim berkata, wanita perlu prihatin dengan keadaan sekeliling dan tidak terlalu mengambil risiko seperti berjumpa di tempat sunyi walaupun membabitkan individu dikenali.

Beliau berkata, insiden jenayah tidak mengira mangsa dan kaum wanita antara yang menerima kesan besar.

"Sebenarnya, semua tip atau langkah berjaga-jaga seperti tidak berjalan seorang diri, elakkan tempat yang sunyi dan sebagainya sudah diketahui semua lapisan masyarakat termasuk kaum wanita.

"Wanita juga perlu reaktif terhadap diri mereka sendiri iaitu jika berlaku sebarang kekasaran terhadap diri mereka, perlu memaklumkan kepada keluarga. Jika membabitkan insiden yang kritikal, perlu melaporkan kepada pihak polis," katanya.

Katanya, begitu juga dengan insiden simbahan asid, wanita berdepan dengan trauma sepanjang hayat malah ada yang terpaksa menanggung perubahan wajah secara kekal.



WAJAH wanita sering menjadi sasaran dalan insiden simbah asid.

Sementara itu, Pakar Perunding Kanan Psikiatri Universiti Malaya (UM) Profesor Madya Dr Muhammad Muhsin Ahmad Zahari menyifatkan bahawa pemeriksaan berkala terhadap status kesihatan mental perlu dilaksanakan khususnya untuk mangsa simbahan asid.

Beliau berkata, mangsa insiden jenayah ini perlu melalui detik sukar apabila kehidupan normal mereka berubah 360 darjah akibat insiden itu.

Katanya, ia akan memberikan impak besar dan mungkin gangguan tahap kesihatan mental mereka jika tidak dirawat secara betul.

"Tanda awal seperti perubahan personaliti, gangguan tidur, gangguan emosi sehinggalah rasa putus harapan atau berfikir tidak mahu meneruskan kehidupan, ini perlu dirawat dan sokongan daripada orang sekeliling.

"Trauma yang berlaku tidak mudah untuk dihadapi kerana ia suatu insiden yang di luar jangka dan keadaan itu banyak mendorong kepada tahap tekanan mental mangsa jenayah terbabit," katanya

**Disiarkan pada: Januari 18, 2025 @ 7:00am**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ISTERI KERJA, CABUL ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Isteri kerja, cabul anak tiri

**Subang Jaya:** Tergamak melakukan amang seksual terhadap anak perempuan tiri yang baru berusia 15 tahun ketika isteri keluar bekerja.

Itu tindakan suspek berusia 36 tahun yang diberkas polis di kediamannya di Batu 13, Jalan Puchong di sini, Isnin lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, mangsa mulanya memberitahu ibu berhubung tindakan suspek mencabulnya, baru-baru ini.

Menurutnya, hasil siasatan awal mangsa pernah memberitahu Ibunya berhubung tindakan suspek melakukan perbuatan sama pada 2021.

"Namun lelaki itu merayu dan berjanji tidak akan menyentuh mangsa menyebabkan wanita itu tidak membuat laporan polis.

"Mangsa sekali menceritakan kepada ibunya pada 9 Januari lalu berhubung tindakan suspek melakukan perbuatan sama ketika dia keluar bekerja.

"Susulan itu, ibu mangsa tampil membuat laporan di Balai Polis Putra Height di sini, untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, suspek direman seminggu hingga 20 Januari hadapan.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PUKUL OKU MENTAL DEKAT PASAR TANI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ORANG ramai menarik lelaki OKU selepas dipukul di sebuah tapak jualan pasar tani, malam kelmarin.

### TIGA SUSPEK DITAHAN BANTU SIASATAN

# PUKUL OKU MENTAL DEKAT PASAR TANI

**Oleh Rosli Ilham**
am@hmetro.com.my

**Chukai**

Polis menahan tiga lelaki berhubung kejadian seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) dipukul di sebuah tapak jualan pasar tani di bandar ini, malam kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kemaman, Deputi Superintendan Wan Muhammad Wan Jaafar berkata, kesemua suspek ditahan bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, ketiga-tiga suspek datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kemaman sebelum mereka ditahan bagi membantu siasatan.

**"Semua suspek yang ditahan berusia di antara 18 hingga 60 tahun dan polis sedang mengumpul maklumat daripada mereka"**

*Wan Muhammad*

"Semua suspek yang ditahan berusia di antara 18 hingga 60 tahun dan polis sedang mengumpul maklumat daripada mereka.

"Kes ini kita akan siasat mengikut seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh," katanya.

Sebelum ini Harian Metro melaporkan, mangsa lelaki OKU yang menunggang motosikal dikatakan melanggar sebuah gerai jualan di situ kira-kira jam 9.30 pagi.

Pelanggaran itu menyebabkan barangan jualan seorang peniaga tumpah dan terjatuh sebelum mangsa dipukul beberapa lelaki sehingga mengalami cedera.

Mangsa yang juga OKU ketidakupayaan mental kemudiannya dibawa ke hospital Kemaman dan dirawat sebagai pesakit luar.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3 HELD OVER ASSAULT ON DISABLE MAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 19 JAN 2025 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

CHUKAI PASAR TANI

# 3 held over assault on disabled man

**CHUKAI:** Police arrested three men in connection with the assault of a person with a disability at a market stall here on Friday.

Kemaman deputy police chief Deputy Superintendent Wan Muhammad Wan Jaafar said the suspects were detained for questioning when they arrived at the police headquarters around 8pm on Friday.

"Those arrested are aged between 18 and 60."

The case is being investigated for rioting.

It was reported that police launched investigation into the case following a complaint about a man who was assaulted at Pasar Tani Padang Astaka Chukai.

Police found a video recording of the incident.

In the incident, the victim, who has a disability, was said to have crashed into a stall while riding his motorcycle.

The collision caused goods from a vendor's stall to spill and fall.

The victim was then beaten by several men.

The victim, who sustained minor injuries, was taken to Kemaman Hospital.